

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat asing yang ingin membuat pelaburan sama ada dalam kegiatan cari gali petroleum atau industri hiliran di Malaysia dan apakah syarikat itu perlu menjalankan kerjasama dengan Petronas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat asing yang ingin membuat pelaburan sama ada dalam kegiatan carigali petroleum atau industri hiliran di Malaysia adalah seperti berikut:

- a. Syarikat asing perlu melantik syarikat tempatan sebagai agen eksklusif untuk mempromosikan produk/perkhidmatan; atau
- b. Menubuhkan sebuah syarikat usaha sama tempatan dengan rakan kongsi tempatan untuk menjalankan operasi perniagaan di Malaysia.

Terdapat juga keperluan bagi syarikat-syarikat untuk memenuhi syarat-syarat minima penglibatan bumiputera sebagai contoh dari segi ekuiti termasuk keperluan minima teknikal.

Bagi produk atau servis khusus (*specialized*) yang dibekalkan oleh Pengeluar Peralatan Asal (*Original Equipment Manufacturer*) yang tidak mempunyai keupayaan atau wakil tempatan, lesen khas akan dikeluarkan secara khusus untuk tender yang berkaitan sahaja.

Sekian. Terima kasih.